



**KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**MAJLIS PELANCARAN
KOLABORASI MEMBENTERAS DENGGI BERSAMA SYARIKAT SWASTA
DAN PASUKAN COMBI
DI TAMAN SEJAHTERA, KUALA LUMPUR
30 MAC 2014**

Majlis Pelancaran Kolaborasi Membenteras Denggi Melalui COMBI yang diadakan pada hari ini adalah salah satu usaha dan komitmen gabungan syarikat syarikat swasta, kerjasama penduduk dan sukarelawan pasukan COMBI dalam membenteras denggi. Kolaborasi usaha pencegahan denggi diantara komuniti, syarikat swasta dan pasukan sukarelawan seperti COMBI akan memberikan kesan yang menyeluruh terutama kepada pengurang tempat pembiakan dan populasi nyamuk Aedes, meningkatkan perlindungan diri dari gigitan nyamuk melalui produk repelan yang dikeluarkan oleh syarikat swasta. Kepelbagaian kaedah pencegahan ini akan dapat mengurangkan risiko jangkitan penyakit demam denggi.

Bagi situasi denggi di Malaysia iaitu bermula dari Januari sehingga 29 Mac 2014, sebanyak 24,917 kes Demam Denggi telah dilaporkan berbanding dengan 6,100 kes bagi tempoh yang sama tahun 2013, iaitu peningkatan sebanyak 308% atau 18,817 kes. Pada masa yang sama, sebanyak 58 kematian telah dilaporkan berbanding dengan 14 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2013, iaitu meningkat sebanyak 44 kematian (314%).

Pada masa yang sama, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, telah melaporkan sebanyak 2,253 kes Demam Denggi dengan 4 kematian, juga mencatatkan peningkatan kes sebanyak 405% (1,807

kes) dan kematian meningkat sebanyak 33% berbanding tempoh yang sama tahun 2013 dimana hanya 446 kes dan 3 kematian dilaporkan.

Daripada pemantauan Kementerian Kesihatan, kawasan lokaliti Flat Taman Sejahtera telah mengalami wabak pada tahun 2013. Isu-isu yang dikenalpasti menjadi punca pembiakan adalah penggunaan tayar terpakai sebagai alas pasu bunga, longkang tersumbat, alas pasu bunga yang menakung air, pembuangan sampah yang tidak sistematik, sampah sarap yang menjadi bekas takungan air di sekitar kawasan bangunan pencawang elektrik dan pembuangan sampah merata rata. Oleh itu, tindakan bersepadu oleh Syarikat SC Johnson, Syarikat Tesco Malaysia, penduduk dan sukarelawan pasukan COMBI Taman Sejahtera, Kuala Lumpur dalam melaksanakan aktiviti pencegahan denggi adalah satu langkah baik untuk menyelesaikan masalah denggi di kawasan ini. Disamping menyumbang tenaga dan menjalankan aktiviti pencegahan bersama masyarakat setempat, syarikat-syarikat ini juga memberi sumbangan kewangan kepada sukarelawan COMBI bagi menjalankan aktiviti pencegahan denggi di kalangan masyarakat setempat.

Komitment yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat swasta ini dalam menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka diharapkan akan menjadi contoh kepada syarikat-syarikat lain. Kementerian Kesihatan sentiasa mengalu-alukan penglibatan semua pihak termasuk syarikat swasta kerana segala usaha yang dijalankan akan mendatangkan manfaat kepada masyarakat Malaysia dan seluruh Negara.

**YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

30 Mac 2014

SITUASI DENGGI DI MALAYSIA DARI JANUARI SEHINGGA 29 MAC 2014

Bil	Negeri	Jumlah Kes Terkumpul Jan. sehingga 29 Mac 2014		Jumlah Kes Terkumpul untuk tempoh sama bagi 2013	
		KES	KEMATIAN	KES	KEMATIAN
1	Perlis	54	0	37	0
2	Kedah	185	1	185	1
3	Penang	553	3	186	0
4	Perak	1,732	5	515	0
5	Selangor	13,915	23	2,642	1
6	WPKL & Putrajaya	2,253	4	446	3
7	N Sembilan	1,356	1	114	0
8	Melaka	826	3	127	0
9	Johor	1,526	12	569	6
10	Pahang	316	0	151	0
11	Terengganu	238	1	51	0
12	Kelantan	1,312	4	345	0
13	Sarawak	310	1	516	2
14	Sabah	336	0	216	1
15	WP Labuan	5	0	0	0
	Malaysia	24,917	58	6,100	14

Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia